

Mahasiswa UMP jalin perkongsian pintar dengan pelajar SK LKTP Jengka 5



Maran, 27 Mac – Seramai 25 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkongsi pengalaman dengan pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) LKTP Jengka 5 dalam Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) hasil kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) membabitkan seramai 75 penyertaan.

Program selama tiga hari ini merupakan edisi ketiga sejak penganjuran pada tahun 2014. Berbeza dengan pelaksanaan terdahulu, IN-TEAM pada kali ini menampilkan kandungan modul baharu yang dirumus berdasarkan enam aspirasi kemenjadian murid yang dihasratkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Menurut mahasiswa tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Nur Afifah Ahmad Sabri, 23, yang merupakan pengurus projek berkata, keseluruhan kandungan modul diformulasikan menurut agihan enam aspirasi tersebut iaitu Pengetahuan (25.4 peratus), Kemahiran Berfikir (22.2 peratus), Kemahiran Kepimpinan (15.9 peratus), Etika dan Kerohanian (19 peratus), Profisiensi Dwibahasa (8 peratus) dan Identiti Nasional (9.5 peratus).



"Bagi merealisasikan hasrat pihak kementerian, Kelab In-Smartive berjaya menyesuaikan kandungan modul mengikutnya selari dengan modul yang ditetapkan tersebut," katanya.

Guru Besar SK (LKTP) Jengka 5, Haji Kasim Pardi mengharapkan jalinan perkongsian pintar melalui penganjuran IN-TEAM ini terus dapat dilestarikan dalam konteks kerjasama sekolah bersama UMP.

Bagi murid Tahun Enam yang menerima Anugerah Peserta Terbaik IN-TEAM, Muhammad Zariq Iqmal Zamri melahirkan rasa bangga berpeluang mengikuti program dan pengalaman yang ditimba daripada IN-TEAM membantu mereka untuk menjadi pemimpin yang cemerlang di sekolah

Begitu juga dengan Nurhadirah Adlina Zulkifli, 12 yang menyimpan hasrat menjadi ahli perniagaan turut menyatakan kegembiraan mereka mengikuti program dari awal hingga akhir dengan penuh semangat.



Hadir merasmikan penutupan IN-TEAM dan menyampaikan sijil penyertaan ialah Pengurus FELDA Jengka 5, Abdul Ghani Nawawi. Hadir sama ialah Penolong Pendaftar (Acara & Pentadbiran) Pejabat Naib Canselor, Asraf Ahmad yang mewakili Penasihat In-Smartive, Tuan Haji Ismail Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) FELDA Jengka 5, Haji Wahab Man, Imam Satu Masjid FELDA Jengka 5, Abdul Muttalib Abdul Malek, Yang Di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK (LKTP) Jengka 5, Zamri Mat Lazim, dan Presiden In-Smartive, Muhammad Abdul Muhaimin Mamat.

Berita disediakan oleh Ahmad Badruzzaman Haji Idris, Pembantu Penyelidik, Pejabat Naib Canselor dan Nur 'Aisyatul Sakinah Baharudin, Setiausaha Bahagian Penerangan Kelab In-Smartive manakala foto oleh Nur Amani Husna Chai Lom dan Rifaie Mohamed.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 31-03-2016, 15:39:59